

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. PUAN HAJAH NORMALA BINTI
ABDUL SAMAD [PASIR GUDANG]**

TARIKH : 18.11.2015

SOALAN :

Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan kesan positif sekiranya mata pelajaran Bahasa Tamil dan Bahasa Cina dijadikan subjek opsyen yang wajib diambil oleh pelajar-pelajar Sekolah Kebangsaan serta adakah wajar cadangan ini untuk diperhalusi dan seterusnya dilaksanakan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memahami bahawa penguasaan pelbagai bahasa akan memberi kelebihan dan daya saing kepada murid dalam kerjaya mereka pada masa akan datang. Sehubungan dengan ini, KPM telah memperkenalkan mata pelajaran Bahasa Cina Sekolah Kebangsaan (BCSK) dan Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan (BTSK) di sekolah kebangsaan dan terbuka kepada semua murid pelbagai kaum yang berminat untuk mempelajarinya. Walau bagaimanapun, murid tidak dipaksa untuk mempelajari mata pelajaran tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pemeriksaan Mata Pelajaran Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan (BTSK) dan Bahasa Cina Sekolah Kebangsaan (BCSK) telah mula dilaksanakan pada tahun 2012. Dapatan menunjukkan penguasaan kemahiran lisan murid berada pada taraf Harapan iaitu 65.25% bagi BTSK dan 67.75% BCSK. Sebahagian besar murid dapat menjawab soalan aras mudah iaitu dengan menggunakan satu atau dua patah perkataan sahaja. Namun murid sukar menjawab soalan menggunakan ayat gramatis dan tepat. Penguasaan kosa kata murid terhad. Manakala penguasaan kemahiran bacaan murid bagi Bahasa Tamil dan Bahasa Cina masih lemah. Murid tidak dapat membaca dengan fasih dan lancar serta sebutan dan intonasi yang betul. Murid tidak menguasai sistem fonetik bahasa Cina dan sukar mengenali bentuk tulisan dan makna perkataan. Jawapan murid kerap dikemukakan dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris.

Namun begitu, cadangan supaya kedua-dua subjek bahasa ini untuk dijadikan subjek opsyen wajib wajar diperhalusi terutamanya bahasa Tamil kerana terdapat murid India di SK yang bahasa ibunda mereka adalah bahasa Telegu dan bahasa Malayalam.